



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BIL. 6/2010

Kepada Semua
Dekan Fakulti / Ketua Bahagian / Pusat / Unit
Pengarah Kampus Negeri
Dan Staf Akademik Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan

TAWARAN BIASISWA STAF (AKADEMIK) UiTM BAGI TAHUN 2011

Staf (Akademik) Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan adalah dipelawa untuk memohon **Biasiswa Staf UiTM Tahun 2011** bagi mengikuti pengajian peringkat **Ijazah Kedoktoran (PhD)** dalam bidang-bidang pengajian seperti mana diiklankan. Sila pastikan **Cadangan Penyelidikan (Research Proposal)** telah disertakan semasa permohonan.

Walau bagaimanapun, bilangan biasiswa yang akan ditawarkan adalah tertakluk kepada kuota Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan peruntukan kewangan Universiti. Oleh yang demikian, UiTM tidak terikat untuk menawarkan biasiswa bagi setiap bidang yang diiklankan.

CARA-CARA MEMOHON:-


Pemohonan adalah secara 'on-line' dengan melayari laman web portal i-staff
MULAI 29 NOVEMBER 2010

Sebarang permohonan yang dibuat **TANPA** melalui 'e-Biasiswa'
TIDAK AKAN DIPROSES.

TARIKH TUTUP : 13 DISEMBER 2010

Sekian, terima kasih.

Yang behar


PROF DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Surat Kami : 100-UiTM (TNC(A) 6/4)
Tarikh : 26 November 2010

**BIASISWA STAF AKADEMIK UiTM BAGI PENGAJIAN
PERINGKAT Ph.D TAHUN 2011**

Biasiswa Staf Akademik ini adalah terbuka kepada pensyarah-pensyarah UiTM bagi mengikuti pengajian di peringkat Ph.D di Dalam dan Luar Negara bagi Tahun 2011.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berjawatan Tetap;
3. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
4. Berumur tidak melebihi **44 tahun** pada TARIKH IKLAN DITUTUP;
5. Laporan Nilai Prestasi Tahunan (purata minimum 85%) bagi tempoh 3 tahun berturut-turut (2007, 2008 & 2009)
6. Bidang-bidang pengajian atau kursus yang diikuti adalah seperti diiklankan di e-Biasiswa.

PERINGATAN PENTING

1. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki:
 - a) Membuat persediaan awal dengan mengambil peperiksaan yang diperlukan untuk mendapatkan tempat pengajian seperti TOEFL/IELTS, GRE, GMAT (yang mana berkenaan):
 - a. Skor minimum bagi permohonan pengajian ke Luar Negara adalah samaada TOEFL 575 (*Paper-Based*), 232 (*Computer-Based*) atau 94 (*Internet-Based*) atau IELTS 6.5. Syarat ini adalah untuk kemasukan ke semua Universiti Luar Negara termasuk universiti yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
 - b) Berusaha untuk mendapatkan tempat pengajian sendiri dari sekarang di Universiti-universiti yang diiktiraf Kerajaan yang bertaraf tinggi dan kompetitif.

- c) Mengemukakan **cadangan penyelidikan (*Research Proposal*)** yang lengkap dan dimajukan kepada Dekan Fakulti masing-masing. Pemohon dinasihatkan supaya merujuk kepada Dekan Fakulti bagi memastikan bidang penyelidikan yang dipilih bersesuaian dengan keperluan, kepakaran dan perancangan strategik Fakulti/ UITM.
2. Kerjasama adalah dipohon dari Dekan Fakulti/ Pengarah Kampus/ Ketua Bahagian/ Pusat/Unit untuk menyebarkan pekeliling ini kepada semua staf masing-masing.

Sukacita juga diingatkan bahawa permohonan yang tidak dibuat melalui eBasiswa **tidak akan diproses**.